

19/02/1997

Tiada rombakan Kabinet: PM (HL)

Lichong Angkui; Kamal Ahmad; Muhd Yusuf Abu Bakar
KOTA KINABALU, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, beliau tidak menghadapi sebarang masalah dengan barisan jemaah Menteri sekarang dan kerana itu tidak bercadang melakukan sebarang rombakan Kabinet.

"Saya tidak bercadang (melakukan rombakan Kabinet) ... kenapa perlu saya berbuat demikian sedangkan saya tiada masalah," katanya menjawab soalan pemberita pada akhir lawatan dua harinya ke Sabah di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, petang ini.

Minggu lalu, sebuah akhbar berbahasa Cina, dengan memetik sumber-sumber Umno yang boleh dipercayai menyiarkan laporan spekulatif mengenai rombakan Kabinet yang bakal dibuat.

Laporan itu kemudiannya dipetik oleh akhbar Sunday Times Singapura, yang juga menulis mengenai kemungkinan diadakan satu rombakan Kabinet dua hari lalu. Nilai ringgit yang susut semalam dan indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang jatuh sedikit hari ini turut dikaitkan dengan spekulasi itu.

Perdana Menteri menyifatkan laporan itu adalah spekulasi semata-mata. Menurutnya, sesiapa saja boleh membuat spekulasi kerana kerajaan percaya kepada kebebasan akhbar dan kebebasan menyuarakan pendapat.

Beliau turut mengaitkan spekulasi itu dengan beberapa kes sebelum ini di mana banyak ramalan yang tidak betul, termasuk berkaitan pilihan raya.

"Apabila kerajaan mengadakan pilihan raya, mereka yang membuat spekulasi sebelumnya mendakwa tekaan mereka betul sedangkan mereka tidak pernah memikirkan betapa banyak ramalan dan tekaan mereka yang salah.

"Begitu juga hakikatnya dengan soal rombakan Kabinet yang dikatakan akan dibuat tahun ini. Apabila tahun ini tiada rombakan dilakukan, mereka meramalkannya tahun depan pula atau tahun berikutnya.

"Bagi kerajaan, satu hari nanti kemungkinan ada rombakan dibuat dan ketika itu, mereka akan mendakwa bahawa ramalan dan spekulasi mereka tepat," katanya.

Sementara itu di Kuala Lumpur, Datuk Seri Anwar Ibrahim menasihatkan pelabur supaya jangan terpengaruh dengan khabar angin mengenai rombakan Kabinet yang turut mengaitkan perpindahannya dari Kementerian Kewangan ke kementerian lain.

Sambil menyifatkan perkara itu sebagai spekulasi yang tersebar sejak sekian lama, Timbalan Perdana Menteri berkata, rombakan Kabinet adalah hak Dr Mahathir.

"Spekulasi itu sudah wujud sejak sehari-hari, berminggu, berbulan dan bertahun. Jangan pedulikan khabar angin itu. Ia (rombakan Kabinet) adalah kuasa Perdana Menteri," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan mengenai 'Over-The-Counter (OTC) Markets'.

Ditanya sama ada beliau sudah diberitahu mengenai rombakan itu, Anwar berkata: "Ia adalah kuasa Perdana Menteri dan saya fikir pihak media menonjolkan (spekulasi) dari masa ke semasa."

Mengenai keadaan pasaran saham yang tidak stabil kerana dipengaruhi spekulasi itu, Anwar berkata, pasaran memang turun naik dari semasa ke semasa.

"Pasaran saham perlu kekal dalam tahap yang tinggi dan pelabur tidak wajar terpengaruh dengan sebarang khabar angin dan spekulasi," katanya.

(END)